

04 NOV 1999

Fadzil-Asean

ASEAN TIDAK PERLU KEHADIRAN KUASA ASING, KATA FADZIL

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Negara-negara Asean perlu menyelesaikan sebarang masalah yang mereka hadapi tanpa melibatkan sebarang campur tangan kuasa asing, kata Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Beliau berkata, sikap berdikari anggota Asean itu perlu dikekalkan kecuali apabila menghadapi keadaan yang begitu mendesak.

"Sebarang masalah dalam Asean perlu dipertanggungjawabkan kepada negara-negara Asean," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Panglima Tentera Udara Diraja Thailand, Ketua Marsyal Udara Sanan Tourtip di Kementerian Pertahanan hari ini.

Katanya, masalah di bekas wilayah milik Indonesia, Timor Timur merupakan contoh terbaik bahawa kuasa luar telah mengambil kesempatan untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara anggota Asean.

Abdullah Fadzil tidak menamakan kuasa luar itu tetapi diketahui Australia telah secara terang-terangan mengkritik Indonesia berkenaan isu kemerdekaan Timor Timur sehingga merenggangkan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Mengenai perbincangannya dengan Sanan, beliau berkata Malaysia dan Thailand akan menyambung semula latihan tentera bersama dan pertukaran pegawai tentera setelah keadaan ekonomi kedua-dua negara bertambah baik.

Abdullah Fadzil berkata kedua-dua angkatan tentera akan berusaha menjalin hubungan ketenteraan lebih erat selaras dengan kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Leekpai yang mahu melihat pengukuhan hubungan diplomatik.

Sempena lawatannya, Sanan telah dianugerahkan Sayap Kehormat Tentera Udara Diraja Malaysia oleh Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Lt.Jen. Datuk Seri Saruji Che Rus.

Sanan, yang baru dilantik ke jawatan itu bulan lepas, akan melawat Singapura esok.

-- BERNAMA

MHI MAI